

DATE: 22/6/2010

BH PILIH 4C 22 (emel)

Negara Islam disaran bentuk MBE

BH-22/06/10

Malaysia komited, tawar kepakaran bagi perkukuh ekonomi ummah: Najib

Oleh Norfatimah Ahmad
dan Azli Ayob
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menyarankan negara Islam dengan jumlah penduduk 1.8 bilion bersatu membentuk Model Baru Ekonomi (MBE) dan tidak lagi bergerak secara sendiri untuk mengukuhkan ekonomi untuk manfaat ummah.


Sejajar dengan itu, Perdana Menteri berkata, dunia Islam juga perlu bekerjasama dari segi pemikiran dan tindakan yang melampaui rangka kerja konvensional.

"Pemikiran kita perlu mendahului pihak industri dan sentiasa bergerak meninjau kawasan ekonomi halal yang wujud berasaskan kepercayaan, integriti dan kesaksamaan.

"Dalam hal ini, Malaysia komited untuk terus menyokong sebarang usaha, termasuk menawarkan kepakaran dalam bidang berkaitan seperti kewangan Islam serta membangunkan sijil dan piawaian halal," katanya pada ucap-tama Forum Halal Dunia (WHF), di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

WHF 2010 bertemakan Situasi Industri Terkini: Akses Pasaran dan Perdagangan dihadiri lebih 900 wakil industri tempatan dan antarabangsa, penggubal dasar serta ahli akademik untuk bertukar fikiran dan mencari penyelesaian terbaik terhadap masalah yang dihadapi industri berkaitan isu halal.

Turut dikenali sebagai Minggu Halal Malaysia, WHF 2010 menampilkan tiga acara utama iaitu WHF kelima, Sidang Kemuncak Ha-



NAJIB melancarkan Forum Halal Dunia 2010, sambil diperhatikan Abdullah, Mustapa dan Jumaatun (kanan).

lal Dunia |Ketiga pada dan Pameran Halal Antarabangsa |Ketujuh (MIHAS). Turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengarah Urusan Kasehdia Sdn Bhd, Jumaatun Azmi dan Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Integriti Halal Antarabangsa (IHI), Darhim D Hashim.

Perdana Menteri berkata, industri halal juga perlu terus bergerak untuk mendapat pengiktirafan dunia sebagai jenama premium sebagai lambang mutu dan kecemerlangan.

"Kini tiba masanya untuk

“Pemikiran kita perlu mendahului pihak industri dan sentiasa bergerak meninjau kawasan ekonomi halal yang wujud berasaskan kepercayaan, integriti dan kesaksamaan”

Najib Razak
Perdana Menteri

meneliti pencapaian dan menilai semula strategi bagi memastikan kita berada di landasan betul untuk meneroka semua sektor dalam industri halal yang berpotensi,” katanya.

Beliau berkata, bagi menangani halangan dan cabaran utama, pihak berkepentingan di negara ini dan dalam industri berkaitan perlu berusaha dan mengekalkan ikatan strategik dengan peserta utama.

"Saya menjangka sinergi kukuh dapat dihasilkan menerusi jalinan perkongsian pintar antara industri utama dan pertubuhan Islam. Malah, orang Islam perlu merebut peluang menggerak-

kan diri dalam kegiatan nilai tambah yang lebih utama dan kemahiran berasaskan pengetahuan seperti jaminan kualiti dan pematuhan, latihan, pengurusan dan penjenamaan," katanya.

Beliau berkata, pemikiran berkaitan halal juga perlu diubah kerana halal bukan saja membabitkan produk makanan, malah pendekatan lebih menyeluruh untuk memastikan proses penghasilannya turut mematuhi piawaian halal.

Katanya, pemahaman itu juga mewujudkan permintaan dalam aspek lain seperti produk bukan makanan, kewangan Islam, logistik dan pelancongan.